

SOALAN NO : 48

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK LINDA TSEN THAU LIN [BATU SAPI]

TARIKH : 4 NOVEMBER 2015

SOALAN :

YB Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bagaimana masalah kemudahan lif yang tidak berfungsi di Blok Pakar, Hospital Duchess of Kent, Sandakan dapat segera diatasi.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, jumlah keseluruhan lif yang terdapat di Hospital Duchess of Kent adalah sebanyak sembilan (9) unit. Daripada jumlah lif tersebut sebanyak tiga (3) unit lif dipasang di Blok Pakar hospital berkenaan dan status semasa lif tersebut adalah seperti berikut:

1. Lif no. 1 - Masih berfungsi dan digunakan.
2. Lif no. 2 -Tidak berfungsi kerana telah mengalami kerosakan major pada komponen-komponen utama. Kos pembaikan dianggarkan sama

dengan kos penggantian baru.

3. Lif no. 3 -Dalam proses penggantian oleh pihak hospital dan dijangkakan siap pada bulan Disember 2015.

Bagi lif no.1 dan no. 2, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengemukakan permohonan peruntukan berjumlah RM 1.2 juta untuk penggantian kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (JPM) di bawah Rolling Plan Pertama Rancangan Malaysia Ke-11.